

01 APR 1999

Agong-Parlimen

TUJUH RANG UNDANG-UNDANG DIBAHAS DALAM SIDANG PARLIMEN DEPAN

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Sebanyak tujuh rang undang-undang akan dibahas dalam persidangan Parlimen Penggal Kelima, yang akan dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar pada Isnin ini.

Menurut kenyataan Pegawai Perhubungan Awam Parlimen Ahmad Asri Zakaria hari ini, ia termasuk Akta Bank Pertanian Malaysia (Pindaan) 1998 dan Akta Lembaga Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1998.

Lima akta lagi ialah Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1998, Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1998, Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1998, Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan) 1998 dan Akta Lembaga Pertanian Kemubu (Pindaan) 1998.

Menurut kenyataan itu semua rang undang-undang tersebut adalah untuk bacaan kali kedua dan ketiga.

Persidangan Dewan Rakyat kali ini akan berlangsung selama 18 hari bermula 6 April dan berakhir pada 5 Mei, manakala Dewan Negara pula akan memulakan mesyuarat pada 3 Mei dan akan bersidang selama 13 hari sehingga 20 Mei.

Pada hari perasmian tersebut, istiadat dijangka bermula pada jam 10 pagi dengan keberangkatan tiba Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah, yang akan disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta isteri masing-masing.

Tuanku Ja'afar kemudian akan memeriksa Perbarisan Kawalan Kehormat, disertai dengan tembakan meriam sebanyak 21 das.

Seri Paduka kemudian akan berangkat ke Dewan Persidangan Dewan Rakyat untuk menyampaikan titah Ucapan Diraja.

Titah ucapan tersebut akan dibahas di Dewan Rakyat selama enam hari bermula 6 April ini.

-- BERNAMA

NM RI